

Seni karikatur ‘sesungut’ masyarakat



CATATAN
KANVAS KOYAK

DR BAHARUDDIN
MOHD ARUS

PADA cuti awal Muharam bulan lalu, penulis berpeluang melawat sebuah pameran yang luar biasa. Pameran itu penulis sifatkan sebagai unik dan melucukan sifatnya.

Pameran karikatur bertajuk Pameran Karikatur Malaysia yang diadakan di ruang legar pejabat pentadbiran Lembaga Perbadanan Seni Visual Negara atau lebih terkenal sebagai Galeri Seni Negara, Kuala Lumpur.

Pameran itu dirasmikan

oleh Professor Mulyadi Mahmood, seorang tokoh dan penyelidik kartunis Malaysia yang terkenal. Beliau banyak menulis berkaitan seni kartun di Malaysia. Terdapat hampir dua ratus keping lakaran dan lukisan karikatur yang hebat keterampilan dan tinggi konsepsinya.

Pameran karikatur kali ini didukung oleh lapan generasi kartunis yang terdiri daripada kartunis tempatan tersohor kerana ramai daripada mereka adalah pelukis komik profesional seperti majalah Gila Gila, Ujang, Cili Padi dan sebagainya. Antara yang menjayakan pameran ini adalah kartunis seperti Imuda, tokoh selebriti, pelawak dan kartunis terkenal tanah air, Don, Aie, Katon Aqhari, Yaz Mazlee, Olay, Maro dan Oren.

Berbagai tema telah diutarakan oleh pelukis popular ini antara lain berkisar kepada pemimpin negara, seniman dan seniati, pelawak selebriti, pelukis, pengkritik seni, politik, atlet tanah air dan luar negara, tokoh korporat serta komen sosial sejagat.

Menurut kurator



LEONARDO Da Vinci.

pameran dikenali sebagai Rahah, karikatur berbeza dari seni lukis yang lain kerana ia lebih bersifat terarah dan mempunyai pesanan yang jelas serta dapat difahami oleh khalayaknya. Kebanyakan ciri lukis karikatur memfokuskan kepada lukisan imej berbentuk potret, binatang atau pun benda yang dilukis secara sengaja untuk menonjolkan kelucuan yang berlebihan dan sifat semacam cacat pada rupa peribadi sesorang namun masih dikenal paras rupanya.

Karikatur terbahagi kepada beberapa kategori umpamanya yang terkenal; karikatur politik, jenaka, sindiran dan pendidikan masyarakat. Sejarah karikatur telah lama wujud dalam senario seni lukis sejak abad ke lima belas lagi. Sebagai contoh, pelukis Leonardo Da Vinci pernah menghasilkan karya berbentuk karikatur yang menggambarkan pesakit kusta di bandar Florence, Italy.

Merujuk kepada sejarah seni karikatur pelukis zaman Impresionis seperti Claude Monet dan Honor Daumier, mereka juga menghasilkan lukisan karikatur dengan menyindir tokoh seperti ahli politik yang tidak jujur dan berlaku tidak adil kepada rakyat, rasuah, nepotism yang berlaku di Eropah pada masa itu.

Honore Daumier juga mendapat jolokan sebagai Michelangelo of Caricature art di negaranya melalui karikatur. Dia telah berjaya menyedarkan masyarakat tempatan berhubung kait dengan rasuah, penindasan marhaen, buruh kanak kanak dan sebagainya terutama sekali kepincangan yang berlaku di kalangan pembesar negaranya di Perancis pada

“Seni karikatur merupakan satu aliran seni visual yang santai tetapi membawa impak yang baik dalam menyampaikan pernyataan pelukis kepada khalayak. Lukisan tersebut boleh dianggap sebagai terapi kepada insan yang menghadapi masalah mental dan mendapat tekanan. Justeru, karikatur bukan sahaja dihasilkan dalam bentuk lukisan di atas kertas atau kanvas bahkan telah menjadi filem dan karakter dalam teater dengan watak yang melucukan.”



KARIKATUR Honore Daumier.

abad kelapan belas.

Oleh sebab itu karikatur adalah satu helah pihak tertentu mewajarkan pelukis mengutuk peribadi seseorang dengan berhemah tetapi pedas dan tajam. Biasanya ketika pilihan raya, perperangan dan pertelingkahan ideologi oleh pemimpin masyarakat maka karikatur adalah senjata dalam diam menukul lawan tanpa melihat tukul yang memukul begitulah sifat karikatur yang sebenar.

Seni karikatur tidak dianggap serius oleh masyarakat di mana pun berada, namun kesannya boleh menjatuhkan seseorang dan membunuh karakter individu. Di samping itu, sifat lukisan karikatur mencuit hati khalayak dengan tingkah laku dan watak yang ditonjolkan akan membawa impak yang sangat luar biasa kesannya.

Seni karikatur merupakan satu aliran seni visual yang santai tetapi membawa impak yang baik dalam menyampaikan pernyataan pelukis kepada khalayak. Lukisan tersebut boleh dianggap sebagai terapi kepada insan yang menghadapi masalah mental dan mendapat tekanan. Justeru, karikatur bukan sahaja dihasilkan



KARIKATUR Ibrahim Pendek oleh Katon Aqhari.

dalam bentuk lukisan di atas kertas atau kanvas bahkan telah menjadi filem dan karakter dalam teater dengan watak yang melucukan.

Seni lukis karikatur telah berjaya dihidupkan hingga kini. Oleh sebab sifatnya yang membawa jenaka, karikatur telah menjadi bahan sindiran, jenaka serta terapi yang ditujukan kepada semua ahli masyarakat yang memberikan pelukis ilham bagi membebaskan imaginasi mereka serta keterampilan mereka.

Oleh sebab itu apabila budaya komik telah mula berkembang sekitar tahun tujuh puluhan maka ramai pelukis telah berjaya menjadi selebriti dan buah mulut peminat komik jenaka yang banyak tumbuh di negara kita seperti cendawan tumbuh selepas hujan. Jika dilihat dalam senario seni lukis di negeri Sabah, terdapat pelukis muda seperti Langkawi, Binjai, Halim Batak, dan pelukis pelukis Pangruk Sulap dan sebagainya yang begitu aktif menghasilkan lukisan karikatur yang banyak



KARIKATUR Claude Monet.



KARIKATUR Yuna oleh Oly.

menyampaikan mesej menegur masyarakat.

Oleh kerana sifat seni karikatur adalah umpama sesungut masyarakat yang menonjolkan lukisan potret yang dimanipulasi umpama getah dan melucukan, namun pelukis berupaya menyindir serta berseluka di samping menukul pihak tertentu dalam senyum dan ketawa. Seni karikatur adalah genre seni visual yang

dicipta bukan sahaja untuk hiburan tetapi menjadi duri dalam daging terutamanya bagi mereka yang memakan lada. Sudah tentu akan terasa pedasnya.

PENULIS merupakan Pensyarah Seni Visual, Fakulti Kemanusiaan, Seni dan Warisan di Universiti Malaysia Sabah (UMS).